

ANALISIS VISUAL KOMIK ZUNAR BERDASARKAN SEMIOTIK PEIRCE DAN TEORI RELEVANS

Ahmad Shafique Mohd Abdillahⁱ & Hasmidar Hassanⁱⁱ

ⁱPelajar, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. ahmadshafiqueabdillah@gmail.com

ⁱⁱPensyarah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. hasmidar@um.edu.my

ABSTRAK

Kemajuan teknologi hari ini telah memberikan impak yang cukup besar terhadap aktiviti dan gaya hidup manusia seharian. Impak ini lebih ketara pada media massa dan medium komunikasi yang ada pada hari ini sama ada yang berbentuk audio mahupun visual. Salah satu media yang turut menerima kesannya ialah majalah humor atau komik yang semakin maju dan bergerak pantas dari segi penghasilan dan penyebaran karyanya. Majalah humor atau komik hari ini bukan sahaja diterbitkan secara bercetak malahan diterbitkan secara atas talian juga dan ia boleh diakses melalui pelbagai aplikasi yang ada. Perkembangan industri komik ini memberikan isyarat bahawa medium komik turut berperanan dalam memberikan hiburan, maklumat, kritikan dan sindiran kepada masyarakat pada hari ini. Peranan komik sebagai medium kritikan sangat ketara dan didapati memberikan kesan pada pembaca sekitar 2014 hingga sekarang tentang isu-isu politik yang melibatkan pemimpin-pemimpin tertinggi di Malaysia. Justeru, bagi memperlihatkan bahawa komik ini merupakan satu bentuk komunikasi yang sangat ostensif yang mampu menyampaikan maklumat dengan cara yang sangat jelas dan berkesan, maka satu kajian diketengahkan bagi mengkaji komik Zunar yang berkisarkan isu politik Malaysia dengan menggunakan pendekatan semiotik Peirce dan Teori Relevans. Dengan menggunakan kedua-dua teori ini, cara mana bentuk visual sebagai kod komunikasi dapat diinterpretasikan dengan sebaik-baiknya bagi mencapai maksud yang sebenar dapat dijelaskan dengan empiris dan berpada berdasarkan idea-idea yang digagaskan oleh teori yang tersebut.

Kata kunci: *komik, visual, ostensif, relevans, semiotik*

1.0 PENGENALAN

Kartun *editorial* di Malaysia telah mula diterbitkan sejak era sebelum merdeka iaitu pada tahun-tahun 1930-an dalam akhbar-akhbar seperti *Warta Jenaka*, *Utusan Zaman* dan *Majlis*. Ketiga-tiga akhbar tersebut merupakan akhbar yang paling banyak menerbitkan kartun *editorial* jika dibandingkan dengan akhbar-akhbar yang lain. Pada masa itu, antara pelukis kartun yang aktif ialah Raja Hamzah, K. Bali, Osman Kangkong, Mohd Sallehuddin, Halim Teh, Yusuf Sharif, dan Hashim Awang (Utusan Online:2009). Mereka meluahkan rasa tidak puas hati terhadap kerajaan British dan juga pendatang-pendatang asing yang membanjiri Tanah Melayu selepas kedatangan penjajah.

Selepas merdeka, terdapat beberapa akhbar lain yang turut menerbitkan kartun-kartun editorial, antaranya ialah *The New Straits Times* dan *Berita Harian*. Kemunculan kartunis seperti Rahim, Nan, Lat dan lain-lain yang banyak memaparkan tema perpaduan kaum, memeriahkan lagi penerbitan kartun dalam akhbar pada waktu itu (Shaliza Binti Dasuki et al., 2014:2). Perkembangan kartun dilihat terus berkembang di Malaysia pada era 1980-an dan tidak terhad pada ketika itu. Antara komik dewasa dan kanak-kanak yang terawal ialah komik *Wak Dojer*, *Pusaka*, *Pembela*, *Bujal*, dan *Bambino* dan juga majalah kartun popular *Gila-Gila*. Sehingga kini, lebih banyak penerbitan kartun muncul, misalnya majalah kartun yang popular iaitu *Ujang*, *Apo?*, *Gempak*, *Kreko*, *Utopia*, dan *Komikoo*.

Kemajuan teknologi kini semakin menggalakkan penerbitan komik kerana teknologi mampu mentransformasikan komik konvensional kepada komik digital yang boleh diakses melalui pelbagai aplikasi. Di samping itu, sokongan padu oleh syarikat-syarikat penerbitan kartun komik juga sangat membantu perkembangan industri komik di Malaysia terutamanya syarikat PTS. Sdn. Berhad (Shaliza Binti Dasuki et.al, 2014:3). Oleh sebab itu, ramai pelukis muda sebagai generasi pelapis telah muncul dan meletakkan industri komik tempatan pada tahap yang memberangsangkan.

Selain itu, komik juga berperanan penting dalam mempengaruhi minda masyarakat. Kajian komik juga telah menyentuh pelbagai aspek dalam pelbagai bidang seperti psikologi, pendidikan, sosiologi, linguistik, pembangunan media baru dan pelbagai lagi yang menekankan peranan kognitif dalam bahasa visual komik. Pembangunan komik berkait dengan kebudayaan, sosiologi dan kognitif individu secara umumnya. Menurut Mulyadi Mahamood (2004:2), komik *editorial* atau politik memainkan peranan penting dalam membentuk budaya dan politik melayu dalam meningkatkan sikap masyarakat secara umum, secara individu, dan dalam kalangan keluarga dan masyarakat selain membangunkan ekonomi dan politik.

Di samping itu, visual kartun dalam bentuk komik ini juga dilihat sangat memberikan impak kepada masyarakat iaitu sebagai alat menyampaikan maklumat. Menurut Mohd Aswari Md Saleh dan Jasni Dolah (2016:8), komik menyampaikan maklumat dengan lebih efisien dan mewujudkan penglibatan yang lebih mendalam dalam subjek-subjek atau isu-isu yang lebih kompleks untuk difahami. Komik bermaksud rangkaian idea yang disusun mengikut subjek, format, pembaca, sejarah, industri, bahasa visual yang khusus dan pengaruh budaya (Cohn, 2014 dalam Aswari Md Saleh dan Jasni Dolah, 2016:7).

Oleh sebab visual komik ini dilihat mempunyai peranan yang penting untuk menyampaikan maklumat dengan cara yang mudah dan jelas, maka kajian ini diketengahkan untuk membincangkan sejauh mana bentuk visual dalam komik dapat menyampaikan maklumat kepada pembaca dengan mudah dan berkesan dengan menggunakan pendekatan semiotik dan pragmatik. Penelitian berdasarkan pendekatan semiotik adalah untuk menunjukkan hubungan lambang atau simbol dengan sesuatu makna sama ada makna konotasi ataupun denotasi manakala penelitian visual berdasarkan pragmatik pula bertujuan untuk menjelaskan cara mana maklumat atau pun maksud yang ingin disampaikan oleh visual itu dapat diinterpretasikan oleh pembaca.


Pemilihan komik Zunar sebagai data kajian dianggap menarik untuk dikaji kerana ia sangat relevan dengan isu semasa yang hangat dibincangkan oleh media massa dan makna visual yang terdapat dalam komik tersebut harus difahami dengan betul oleh masyarakat.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan teori Peirce (1839-1914) dan teori Relevans (1986-1995). Pemilihan teori Peirce (1839-1914) digunakan dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk visual yang terdapat dalam komik tersebut. Proses ini dilakukan bagi mengkategorikan bentuk-bentuk visual menerusi pengkategorian elemen-elemen yang dikemukakan dalam teori Peirce (1839-1914) iaitu perwakilan atau representamen, objek dan interpretasi. Kemudian, makna yang dianalisis berdasarkan teori Peirce tersebut (1839-1914) akan diinterpretasikan berdasarkan pendekatan pragmatik iaitu dengan menggunakan teori Relevans. Justeru, penggunaan teori Relevans (1986-1995) ini dianggap bersesuaian dalam menginterpretasikan makna dengan betul berdasarkan maklumat yang diterima daripada pendekatan semantik yang dilakukan. Berikut merupakan kerangka teori semiotik visual (pendekatan semantik) iaitu teori Peirce (1839-1914):

2.1 TEORI SEMIOTIK VISUAL

Kajian ini memanfaatkan teori semiotik Peirce (1839-1914) yang digagaskan oleh seorang tokoh falsafah Amerika (Alex, 2009). Tanda Peirce (1839-1914) memberikan fokus pada tiga aspek iaitu ikon, indeks dan simbol. Data akan dianalisis berdasarkan teori semiotik Peirce (1839-1914) iaitu *triadik* seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut :-



Rajah 1. Teori semiotik Peirce

Menurut Peirce (dlm. Faridah Ibrahim, 2012:261) tanda sebagai perwakilan atau representamen, sedangkan objek merupakan konsep, benda atau gagasan, manakala makna pula merupakan persepsi, pemikiran dan perasaan yang diperoleh dari sebuah tanda yang diberi istilah iaitu interpretasi. Secara ringkasnya, perwakilan merupakan bahagian tanda yang dapat dipersepsikan secara fizik yang merujuk kepada sesuatu yang diwakili olehnya iaitu objek, kemudian interpretasi adalah bahagian dari proses yang menafsirkan hubungan perwakilan dan objek. Selain itu, Peirce juga membahagikan tanda perwakilan kepada tiga jenis iaitu *qualisign*, *sinsign* dan *legisign*. Bagi tanda jenis objek pula dibahagikan juga kepada tiga iaitu ikon, indeks dan simbol. Kemudian, terdapat tiga jenis interpretasi iaitu *rhema*, *decisign* dan *argument*.


2.2 TEORI RELEVANS

Teori Relevans dipilih pengkaji kerana teori ini sesuai digunakan untuk menganalisis ujaran atau komunikasi. Teori ini telah diperkenalkan oleh Sperber & Wilson pada tahun 1986. Prinsip Teori Relevans ini merujuk apa yang diperkatakan dalam ujaran iaitu kerelevannya dan bukan kebenaran mutlak. Kerelevanan bergantung pada kesan kognitif dan usaha memproses maklumat (Siti Nurqistina Awang, 2011). Semakin banyak kesan kognitif yang dapat dihasilkan semakin relevan sesuatu ujaran itu manakala semakin rendah kos pemrosesan maklumat itu semakin relevanlah ujaran tersebut. Kesan kognitif dapat dihasilkan dengan tiga cara, iaitu pengukuhan, pengguguran dan penggabungan maklumat.

Selain itu, Sperber dan Wilson juga telah menggagaskan dua prinsip relevans, iaitu i) Prinsip Relevans Kognitif - prinsip yang menjelaskan kognisi manusia cenderung untuk mencapai relevans yang maksimum dan ii) Prinsip Relevans Komunikatif yang menjelaskan bahawa setiap tingkah laku komunikasi ostensif menyampaikan suatu andaian relevans yang optimum (Hasmidar Hassan, 2006).

3.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian perbincangan iaitu pada bahagian semiotik visual (semantik) dan pragmatik. Berikut analisis berdasarkan pendekatan semantik :-



Rajah 2. Data 1 yang Dilabelkan Berdasarkan Teori Peirce

Jadual 1. Analisis Data 1

Triadik Peirce	Firstness	Secondness	Thirdness
Representamen (Firstness)	(Qualisign) Kekuasaan dan kekayaan.	(Sinsign) Ketakutan dan kematian.	(Legisign) Taat kepada orang yang mempunyai kuasa.
Objek (Secondness)	(Ikon) 1. Gambar dua orang lanun iaitu lelaki dan wanita. 2. Gambar kapal yang dipenuhi dengan harta. 3. Gambar bom C4. 4. Gambar cincin. 5. Gambar logo UMNO. 6. Gambar keris yang pegang oleh lanun lelaki.	(Indeks) 1. Gambar tengkorak yang telah dilabel dengan Altantuya. 2. Gambar lembu dicucuk hidung terjun dari kapal. 3. Gambar Tulang.	(Simbol) 1. Tulisan " Captain Jib Spa-Rob ".
Interpretasi (Thirdness)	(Rhema) Kekayaan yang diperolehi hasil daripada kuasa yang ada untuk mengeksploitasi segala kekayaan.	(Dicisign) Ketakutan lembu yang dicucuk hidung dengan mengikut kemahuan kedua-dua lanun tersebut untuk terjun daripada kapal supaya tidak dibunuh oleh lanun seperti kematian seseorang individu yang merujuk kepada gambar tengkorak yang telah dilabelkan dengan Altantuya.	(Argument) Kepatuhan kepada arahan ketua atau <i>captain</i> yang merujuk kepada Jib Spa-Rob yang berpakaian lanun dalam gambar tersebut.

Berdasarkan pendekatan semiotik Peirce, visual data 1 dapat dianalisis seperti Jadual 1. Elemen gambar dan tulisan yang terdapat dalam komik Zunar tersebut mempunyai representamen atau tanda seperti kekuasaan dan kekayaan, ketakutan dan kematian, dan taat kepada orang yang mempunyai kuasa. Tahap tanda pertama iaitu *qualisign* menunjukkan bahawa tanda kekuasaan dan kekayaan dapat dikenal pasti melalui objek yang terdapat dalam komik tersebut seperti gambar dua orang lanun, kapal yang dipenuhi dengan harta (wang, cincin dan barangan kemas), bom C-4, logo UMNO, dan keris. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010:890) mendefinisikan lanun sebagai perompak laut. Seperti yang diketahui umum lanun kebiasaannya merompak kapal-kapal yang berada di lautan. Mereka merompak barang-barang bernilai yang terdapat dalam kapal melalui perairan tersebut. Dengan hasil rompakan tersebut, mereka boleh menjadi kaya dan berkuasa. Visual harta (wang dan barang kemas, dan cincin menunjukkan harta kekayaan yang dimiliki hasil rompakan dua orang lanun tersebut. Gambar bom C4, keris dan logo UMNO pula menggambarkan kekuasaan dan kekuatan yang dimiliki kedua-dua lanun tersebut. Secara literalnya, keris didefinisikan sebagai senjata bermata dua yang tajam (bilahnya lurus dan berkelok-kelok) menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010:760). Keris bagi bangsa Melayu merupakan satu senjata ampuh yang boleh menyebabkan maut jika digunakan dalam pertarungan (Khamis Mohamad, 2012: 105). Gambar bom pula dapat membawa makna sebagai senjata yang meletup, menyebabkan kebakaran dan kemusnahan merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2010:199). Istilah C-4 atau C-4 dapat dijelaskan sebagai satu jenis bahan letupan yang digunakan untuk tujuan ketenteraan. Berdasarkan huraian kedua-dua gambar tersebut, dapat

dijelaskan bahawa gambar-gambar senjata tersebut digunakan untuk bertempur dan berlawan dengan musuh.

Di samping itu, gambar logo UMNO yang terdapat pada topi lanun tersebut pula secara literalnya merujuk akronim bagi *United Malays National Organisation* (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) Kamus Dewan Edisi Keempat (2010:1765). Parti UMNO merupakan parti komponen dalam Barisan Nasional yang merupakan parti komponen yang dominan mempunyai kuasa dalam pentadbiran Barisan Nasional selaku pemerintah sebelum ini. Penginterpretasian *rhema* terhadap tanda dan ikon imej dalam visual data 1, iaitu dua orang lanun, kapal yang dipenuhi dengan harta (wang, cincin dan barangan kemas), bom C-4, logo UMNO, dan keris menunjukkan kekayaan yang diperoleh oleh kedua-dua lanun lelaki dan wanita tersebut hasil kuasa yang dimiliki. Kuasa yang ada pada kedua-dua lanun ini membolehkan rompakan dilakukan di lautan. Dengan demikian, mereka memperoleh harta atau rampasan yang bernilai yang menjadikan mereka kaya raya.

Representamen atau tanda pada tahap kedua iaitu *sinsign* pula membawa maksud ketakutan dan kematian. Hal ini dapat diperkuat dengan maklumat objek indeks iaitu gambar tengkorak yang telah dilabel dengan Altantuya, lembu dicucuk hidung terjun daripada kapal dan tulang. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010:1655) mendefinisi tengkorak sebagai tulang kepala yang melindungi otak. Jika diteliti pada visual komik tersebut, seseorang pembaca mungkin dengan mudah mengagak bahawa tengkorak tersebut dikaitkan dengan kematian. Hal ini kerana seperti mana kita sedia maklum bahawa seseorang manusia yang telah mati itu akan mereput sehingga ternampaknya tengkorak dan tulang badan. Tulang merupakan rangka tubuh manusia (binatang) atau bahagian-bahagiannya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010:1727). Oleh yang demikian, faktor kematian individu yang merujuk tengkorak yang telah dilabelkan Altantuya tersebut berkemungkinan mempunyai hubung kaitnya dengan kedua-dua lanun tersebut. Hal ini demikian kerana tengkorak tersebut berada dalam kapal lanun tersebut itu.

Bagi gambar lembu yang dicucuk hidung yang terjun ke dalam laut pula, dapat dikatakan bahawa lembu tersebut terjun ke dalam laut kerana cuba menyelamatkan diri daripada dibunuh oleh kedua-dua lanun tersebut. Lembu yang dicucuk hidung tersebut dapat dikatakan dalam ketakutan dan hanya mengikut sahaja kemahuan lanun tersebut supaya terjun daripada kapal tersebut. Jika dilihat maksud lembu dicucuk hidung dalam konteks peribahasa Melayu, ia bermaksud orang bodoh dan selalu menurut kehendak orang lain (Kamus Peribahasa Edisi Keempat: 2012:230). Oleh yang demikian, *Dicisign* dapat dimaksudkan sebagai lembu yang dicucuk hidung ketakutan dan mengikut kemahuan kedua-dua lanun tersebut agar terjun daripada kapal supaya tidak dibunuh oleh lanun seperti yang berlaku pada tengkorak yang dilabelkan dengan Altantuya.

Tahap tanda ketiga pula ialah *legisign*. Tanda tersebut membawa makna taat kepada orang yang mempunyai kuasa. Tanda tersebut dapat diinterpretasikan berdasarkan simbol objek atau gambar tulisan "*Captain Jib Spa-Rob*". Tanda yang diperoleh dalam gambar tersebut dapat dimaksudkan sebagai argumen yang membawa makna kepatuhan pada arahan ketua atau *captain* yang merujuk *Jib Spa-Rob* yang berpakaian lanun dalam gambar tersebut.

Jelaslah bahawa pendekatan Semiotik Peirce ini membolehkan pemetaan dibuat daripada visual kepada makna rujukannya sahaja dan tidak lebih daripada itu. Oleh sebab itu, data ini perlu dikaji berdasarkan pendekatan pragmatik bagi membolehkan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh pelukis kartun ini dapat diinterpretasi dengan betul.

3.2 ANALISIS PRAGMATIK

Analisis ini menggunakan teori Relevans bagi mencungkil atau menginterpretasikan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh pelukis komik iaitu Zunar. Berikut merupakan data 1 tanda *qualisign* yang telah dianalisis:-

Jadual 2. Data 1 (Tanda *Qualisign*)

Tanda <i>Qualisign</i>	
Kekuasaan dan kekayaan	
Konteks	Andaian Kesan Kognitif
A. Pentadbiran B. Kerajaan Barisan Nasional C. Rasuah D. Lanun	A. Rompakan oleh lanun. B. Keangkuhan terhadap kuasa yang diperolehi C. Penyalahgunaan kuasa oleh kerajaan Barisan Nasional terutamanya pemimpin tertinggi.

Berdasarkan data 1, tanda *Qualisign* di atas dikenal pasti terdiri daripada visual dua orang lanun iaitu lanun lelaki dan lanun wanita, kapal yang dipenuhi dengan harta, beg tangan, bom C4, cincin, logo UMNO, dan keris yang dipegang oleh lanun lelaki. Tanda *qualisign* tersebut terdiri daripada dua jenis iaitu *qualisign* kekuasaan dan *qualisign* kekayaan. Tanda *qualisign* kekayaan terdiri daripada gambar kapal yang dipenuhi harta, beg tangan, dan cincin, manakala bagi *qualisign* kekuasaan pula terdiri daripada gambar bom C4, logo UMNO dan keris.

Secara ringkas, kedua-dua jenis tanda yang terdapat pada gambar tersebut menjelaskan beberapa isu dan peristiwa sebenar yang berlaku di Malaysia sejak tahun 2009 semasa pemerintahan kerajaan Barisan Nasional¹ (dalam konteks visual merujuk kepada UMNO). Tanda *qualisign* kekuasaan dapat dijelaskan menerusi isu atau peristiwa sebenar yang berlaku iaitu mengenai salah laku penggunaan kuasa serta rasuah yang berlaku sewaktu pemerintahan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Dato' Seri Najib sebagai Perdana Menteri waktu itu. Kes rasuah dan pengubahan wang haram tersebut membabitkan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dihadapi oleh Datuk Seri Najib Razak. Oleh yang demikian, berdasarkan maklumat konteks dan maklumat pengkaji sebagai rakyat Malaysia, gambar individu lanun yang sedang memegang keris dalam komik tersebut merujuk Dato' Seri Najib yang merupakan Perdana Menteri Malaysia sebelum ini. Seperti yang diketahui umum, gambar keris tersebut dapat merujuk logo UMNO yang merupakan parti komponen dalam kerajaan Barisan Nasional. Selain itu, terdapat kewujudan perkataan 'Jib' merupakan singkatan nama bagi Najib di kain layar kapal tersebut. Oleh sebab, Perdana Menteri waktu itu ialah Dato' Seri Najib Razak yang merupakan pengerusi bagi kerajaan Barisan Nasional serta memegang jawatan pengerusi bagi parti komponen tersebut, beliau mempunyai kuasa autoriti dalam mentadbir Malaysia waktu itu. Pada waktu pemerintahannya, timbul isu-isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang berleluasa.

Selain itu, kemunculan tanda *qualisign* kekayaan pula dikenal pasti menerusi gambar harta, beg tangan dan cincin. Kemewahan harta yang terdapat dalam kapal tersebut dilihat diperolehi daripada hasil rasuah dan pengubahan wang haram. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan dakwaan atas 25 pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001 terhadap Datuk Seri Najib Razak.²

¹Sila rujuk <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/1mdb-najib-mengaku-tidak-bersalah-atas-25-pertuduhan-amlatfa-dan-akta-sprm-186099>

²Sila rujuk <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/1mdb-najib-mengaku-tidak-bersalah-atas-25-pertuduhan-amlatfa-dan-akta-sprm-186099>

Berdasarkan visual, Datin Seri Rosmah Mansor pula dikaitkan dengan figura wanita yang memakai cincin dan beg tangan. Seperti yang diketahui umum, Datin Seri Rosmah Mansor juga dikaitkan dengan isu cincin berlian dan beg tangan yang bernilai jutaan ringgit. Isu penyalahgunaan kuasa dengan menggunakan wang penggubahan haram suaminya dan juga dirinya dengan membeli 11 beg tangan mewah jenama *Birkin* serta cincin bernilai RM 24 Juta. Datin Seri Rosmah Mansor dianggarkan membelanjakan minimum RM 638,000 hingga maksimum RM 5,192,000 untuk membeli beg tangan berkenaan.³

Menurut Astro Awani *Online*, Datin Seri Rosmah Mansor telah didakwa menerima suapan rasuah daripada Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn Bhd, Saidi Abang Samsudin, 60, melalui Datuk Rizal Mansor, 45, sebagai upah kerana membantu mendapatkan Projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid dan Penyelenggaraan serta Operasi Genset/Diesel bagi sekolah di Sarawak bernilai RM1.25 bilion secara rundingan terus daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.⁴

Dari sudut pandangan teori Relevans, kedua-dua jenis tanda *Qualisign* tersebut iaitu *qualisign* kekuasaan dan *qualisign* kekayaan dilihat mematuhi kedua-dua prinsip yang terdapat dalam teori tersebut iaitu Prinsip Relevans Kognitif dan Prinsip Relevans Komunikatif. Tanda *Qualisign* tersebut dilihat sebagai maklumat yang ostensif iaitu dapat membolehkan pembaca mencapai relevan yang optimum dengan kos memproses yang rendah. Hal ini kerana visual tersebut sangat jelas menyampaikan isu yang diutarakan dengan perkaitan gambar yang dihasilkan dalam lukisan komik tersebut dapat memudahkan pembaca untuk mengkaitkan setiap visual dengan maklumat latar belakang pembaca. Jelasnya, sebagai rakyat Malaysia tiada yang terlepas daripada maklumat tentang penyalahgunaan kuasa tersebut. Hal ini kerana setiap hari berita tentang hal ini diwawarkan dalam surat khabar dan media massa. Sekiranya pembaca komik Zunar ini bukan dari rakyat Malaysia yang mempunyai maklumat latar belakang mengenai kejadian yang berlaku di Malaysia pastinya seseorang itu tidak dapat memproses maklumat tersebut dengan betul dan akan menyebabkan kos memprosesnya tinggi dan pembaca itu tidak akan mencapai relevan yang optimum. Menurut Hasmidar Hassan (2006:142) prinsip Komunikatif Relevans yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson menjelaskan bahawa setiap tingkah laku komunikasi mestilah sedapat mungkin cukup relevan bagi menarik perhatian pendengar dengan kos ataupun usaha memproses yang minimum (dalam parameter yang ditetapkan oleh kemampuan dan matlamat penutur).

Oleh yang demikian, bagi membuktikan tanda *Qualisign* yang terdapat dalam visual tersebut ostensif dan tidak melibatkan kos pemprosesan yang tinggi, maka pengkaji telah melakukan andaian atau inferens bagi tanda *Qualisign* yang telah dikenal pasti. Andaian-andaian yang telah dihasilkan menunjukkan bahawa andaian (c) adalah paling relevan untuk digunakan bagi mendapatkan makna sebenar. Hal ini demikian kerana berlakunya proses penggabungan iaitu andaian (c) dengan maklumat baru iaitu gambar logo UMNO pada topi kedua-dua lanun tersebut. Proses ini dapat memperkukuh andaian (c) kerana gambar logo UMNO tersebut dapat menjelaskan bahawa kuasa yang diperoleh oleh lanun tersebut merujuk pemimpin UMNO yang juga pemimpin tertinggi dalam parti Barisan Nasional yang merupakan kerajaan sebelum ini yang mempunyai autoriti dalam mentadbir negara. Di samping itu, kerelevannya andaian (c) menyebabkan proses pengguguran berlaku pada andaian-andaian yang lemah seperti (a) dan (b).

³Sila rujuk <https://www.malaysia-today.net/2012/09/21/apa-rosmah-mansor-pakai-jam-tangan-bernilai-rm350000/>

⁴Sila rujuk <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/rosmah-mengaku-tidak-bersalah-terima-suapan-rm5-juta-203979>

Jadual 3. Data 1 (Tanda *Sinsign*)

Tanda <i>Sinsign</i>	
Kematian dan ketakutan	
Konteks	Andaian Kesan Kognitif
A. Pentadbiran B. Pembunuhan C. Kematian	A. Pembunuhan oleh lanun. B. Lembu yang takut dengan kedua-dua lanun tersebut. C. Berlaku penyalahgunaan kuasa dan pembunuhan terhadap individu bernama Altantuya oleh pemimpin tertinggi UMNO.

Berdasarkan Jadual 3, tanda *Sinsign* di atas dikenal pasti terdiri daripada visual tengkorak yang telah dilabel dengan Altantuya, lembu dicucuk hidung terjun daripada kapal dan tulang. Tanda *Sinsign* dibahagikan kepada dua jenis iaitu *Sinsign* ketakutan dan *Sinsign* kekayaan. Tanda *Sinsign* kematian terdiri daripada gambar tengkorak yang dilabel dengan Altantuya dan tulang, manakala tanda *Sinsign* ketakutan terdiri daripada gambar lembu dicucuk hidung terjun daripada kapal.

Menerusi tanda *Sinsign* kematian, pengkaji atau pembaca khususnya rakyat Malaysia mempunyai maklumat konteks yang sama tentang isu pembunuhan wanita bernama Altantuya Shaariibuu yang berasal dari Mongolia dan isu tersebut dikaitkan dengan Datuk Seri Najib Razak. Kejadian tersebut berlaku sekitar tahun 2006 dan hampir semua siaran televisyen di Malaysia menyiarkan berita pembunuhan yang berprofil tinggi tersebut.⁵ Oleh itu, kewujudan gambar tengkorak yang dilabel dengan Altantuya membolehkan pengkaji membuat interpretasi berdasarkan maklumat ensikopedik yang sedia ada bahawa gambar tengkorak tersebut merujuk individu bernama Altantuya telah dibunuh. Hal ini bersesuaian dengan teori Relevans yang menegaskan bahawa seseorang penutur yang mahu ujarannya difahami, hendaklah seboleh mungkin menyampaikan ujaran dengan cukup jelas dan terang agar dapat diproses dan difahami dengan mudah dan tidak meletakkan pembaca dalam keadaan yang sukar untuk difahami unjuran tersebut. Hal ini selaras dengan dakwaan Sperber dan Wilson (2004:607) dalam Hasmidar Hassan (2006:189) yang mengatakan bahawa "*the expectations of relevance raised by an utterance are precise enough and predictable enough to guide the hearer towards the speaker's meaning*".

Pada tahap semiotik, objek tengkorak hanya dapat dirujuk sebagai 'Altantuya' yang terdapat dalam kapal lanun. Melalui teori Relevans pula, objek ini dapat diinterpretasikan dengan lebih lanjut berdasarkan maklumat latar belakang yang diperolehi atau yang ada oleh pengkaji. Gambar tengkorak tersebut merujuk individu yang bernama Altantuya yang dikatakan dibunuh oleh 'lanun' (merujuk Datuk Seri Najib Razak) tersebut. Input semantik yang diperolehi pada tahap analisis semiotik membolehkan analisis seterusnya dilakukan pada tahap pragmatik (teori Relevans). Hal ini disokong oleh Hasmidar Hassan (2006:221) yang menegaskan representasi semantik berperanan sebagai sumber hipotesis tentang hajat penutur, dan menyediakan klu-klu komunikatif bagi pendengar.

Seterusnya, kewujudan gambar tanda *Sinsign* ketakutan pula dikenal pasti menerusi gambar lembu dicucuk hidung terjun daripada kapal. Seperti yang telah dijelaskan makna gambar tersebut pada peringkat semantik merujuk ketakutan lembu yang dicucuk hidung yang mengikut kemahuan kedua-dua lanun tersebut untuk terjun daripada kapal supaya tidak dibunuh oleh lanun seperti kematian individu yang merujuk kepada gambar tengkorak yang telah dilabelkan dengan Altantuya. Maklumat semantik tersebut membolehkan penginterpretasian lanjut dibuat berdasarkan teori Relevans. Maklumat konteks yang diperolehi daripada media massa tentang isu ini membolehkan gambar lembu yang dicucuk hidung tersebut dikaitkan dengan Razak Baginda

⁵Sila rujuk <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/sirul-sedia-dedeh-perkara-sebenar-pembunuhan-altantuya-175925>

yang merupakan pembantu Datuk Seri Najib Razak yang sewaktu itu memegang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri. Melalui maklumat media massa, Razak Baginda menjadi orang suruhan Datuk Najib Razak untuk menjaga dan memantau wanita tersebut agar tidak mengganggunya (masih dalam siasatan mahkamah).⁶ Hal ini dilakukan Datuk Seri Najib Razak supaya wanita tersebut tidak mendedahkan hubungan yang berlaku antara mereka.

Sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai maklumat tentang peristiwa ini, gambar lembu dicucuk hidung ini dapat dikaitkan dengan Razak Baginda yang menjadi orang suruhan Datuk Seri Najib Razak dalam kes tersebut. Oleh sebab isu ini masih dalam siasatan mahkamah, pelukis iaitu Zunar mengambil langkah selamat dengan memberikan perlambangan lembu yang dicucuk hidung tersebut bagi merujuk Razak Baginda. Seandainya beliau menggambarkan visual secara literal yang menggambarkan Abdul Razak dan Datuk Seri Najib Razak berkemungkinan beliau akan disabitkan dengan tindakan undang-undang. Berdasarkan teori Relevans, gambar lembu dicucuk hidung ini masih mematuhi Prinsip Relevans Komunikatif iaitu setiap tingkah laku komunikatif ostensif menyampaikan sesuatu andaian relevan yang optimum. Hal ini demikian kerana visual ini masih dapat ditafsirkan kerana adanya maklumat latar belakang dan pengetahuan bersama yang dikongsi oleh pelukis (Zunar) dan pembaca tentang isu pembunuhan Altantuya.

Bagi membuktikan tanda *Sinsign* yang terdapat dalam visual tersebut ostensif dan mempunyai kos memproses yang rendah. Maka pengkaji telah melakukan andaian atau inferens bagi tanda *Sinsign* yang telah dikenal pasti. Andaian yang telah dibuat menunjukkan bahawa andaian (c) adalah paling relevan untuk digunakan bagi mendapatkan makna sebenar. Hal ini demikian kerana berlakunya proses penggabungan iaitu andaian (c) dengan maklumat baru iaitu gambar logo UMNO pada topi lanun tersebut. Proses ini dapat memperkukuh andaian (c) kerana gambar logo UMNO tersebut dapat dikatakan sebagai kuasa yang ada pada lanun tersebut (merujuk pemimpin UMNO) yang juga pemimpin tertinggi dalam parti Barisan Nasional yang merupakan ketua kerajaan sebelum ini yang berkuasa mentadbir negara. Pemimpin tertinggi UMNO tersebut turut dikaitkan dengan pembunuhan individu yang bernama Altantuya. Pemilihan andaian (c) yang disebabkan oleh kerelevannya menyebabkan proses pengguguran berlaku pada andaian-andaian yang lemah seperti (a) dan (b).

⁶ Sila rujuk <https://www.malaysiakini.com/news/85497>

Jadual 4. Data 1 (Tanda *Legisign*)

Tanda <i>Legisign</i>	
Taat kepada orang yang mempunyai kuasa	
Konteks	Andaian Kesan Kognitif
A. Pentadbiran B. Orang bawahan C. Guna kuasa autoriti	A. Anak kapal yang patuh kepada ketua. B. Pemimpin bawahan yang menerima arahan. C. Pemimpin tertinggi yang merujuk kepada Datuk Seri Najib Razak menggunakan kuasa untuk kepentingan diri sehingga menyebabkan pemimpin bawahannya juga terbabit dalam jenayah yang dilakukannya.

Hasil analisis menunjukkan Data 1 tanda *Legisign* iaitu taat kepada orang yang mempunyai kuasa di atas dikenal pasti terdiri daripada visual tulisan "*Captain Jib Spa-Rob*". Seperti yang diketahui umum bahawa apabila berada di dalam kapal, semua anak kapal perlu mematuhi arahan ketua. Melalui visual data 1 tersebut, tulisan *Captain* dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai ketua. Oleh itu, visual tulisan "*Captain Jib Spa-Rob*" merujuk kepada ketua atau pemimpin tertinggi dalam parti UMNO. Hasil maklumat ensiklopedik pengkaji, visual "*Captain Jib Spa-Rob*" berasal daripada watak "*Captain Jack Sparrow*" dalam filem *Pirates of the Caribbean*. Dalam komik ini, penulis cuba menggambarkan bahawa pemimpin tertinggi tersebut sebagai lanun. Isteri beliau iaitu Datin Seri Rosmah Mansor juga tidak terkecuali dan divisualisasikan sebagai watak lanun dalam komik Zunar ini. Oleh yang demikian, tanda *Legisign* iaitu taat kepada orang yang mempunyai kuasa dapat diinterpretasikan sebagai pemimpin dan rakyat perlu patuh pada arahan Perdana Menteri (pada waktu itu) Datuk Seri Najib Razak. Kepatuhan yang dianggap secara membabi buta oleh pemimpin bawahan menerima segala arahan telah mewujudkan pelbagai isu penyalahgunaan kuasa. Berdasarkan teori Relevans visual "*Captain Jib Spa-Rob*" khususnya perkataan 'Jib' dianggap sangat jelas dan nyata (ostensif) kepada pembaca khususnya pembaca di Malaysia yang mengetahui bahawa JIB ialah kependekan nama bekas Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Najib Razak.

4.0 KESIMPULAN

Penghasilan visual yang terdapat dalam komik Zunar ini ternyata maklumat yang disampaikan sangat jelas terhadap isu-isu sebenar yang berlaku di Malaysia yang cuba dikaitkan oleh pelukis. Walaupun sebahagian visual yang dihasilkan tersebut agak sukar diinterpretasikan secara literal namun ia masih dianggap visual yang ostensif apabila seseorang pembaca itu menggunakan pendekatan pragmatik dengan menghubungkan visual yang dilihat dalam komik tersebut terhadap maklumat latar belakang yang diperoleh sebelum ini. Jelaslah bahawa pelukis Zunar mematuhi Prinsip Relevans Komunikatif yang digagaskan oleh teori Relevans iaitu setiap tingkah laku komunikasi ostensif menyampaikan sesuatu andaian relevan yang optimum.

RUJUKAN

- Astro Awani. (2018). Dicapai pada 11 Mei 2019 daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/1mdb-najib-mengaku-tidak-bersalah-atas-25-pertuduhan-amlatfa-dan-akta-sprm-186099>
- Astro Awani. (2019). Dicapai pada 12 Januari 2019 daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/rosmah-mengaku-tidak-bersalah-terima-suapan-rm5-juta-203979>
- Astro Awani. (2018). Dicapai pada 13 Mei 2019 daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/sirul-sedia-dedah-perkara-sebenar-pembunuhan-altantuya-175925>
- Alex, S. (2009). *Analisis Teks Media, Suatu Pengantar untuk Analisis Wacana, Analisis Semiotik, dan Analisis Framing*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Faridah Ibrahim & etc. (2012). *Bahasa Komunikasi Visual Dan Pengantaraan Produk: Satu Analisis Semiotik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Dicapai pada 2 November 2016 daripada <http://ejournal.ukm.my/gema/article/viewFile/32/26>
- Hasmidar Hassan. (2006). *Kata Hubung Dan dan Tetapi: Satu Analisis Perbandingan Nahu dan Pragmatik*. Penulisan Ilmiah Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Peribahasa Edisi Keempat. (2013). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Abdul Latif Samian. 2012. *Falsafah Perkerisan dalam Masyarakat Melayu*. Di capai pada 5 Mei 2019 daripada <http://journalarticle.ukm.my/5489/>
- Malaysia Kini. (2008). Dicapai pada 13 Mei 2019 daripada <https://www.malaysiakini.com/news/85497>
- Malaysia Today. (2012). Dicapai pada 17 Mei 2019 daripada <https://www.malaysia-today.net/2012/09/21/apa-rosmah-mansor-pakai-jam-tangan-bernilai-rm350000/>
- Mohd Aswari Md Saleh dan Jasni Dolah. (2016). *Penilaian Bahasa Visual Terhadap Faktor Penglibatan Pembaca Komik Melayu*. Conference Proceeding: 2nd International Conference On Creative Media, Design & Technology (Reka2016). Dicapai pada 14 Oktober 2018 daripada https://www.researchgate.net/publication/311680196_Penilaian_bahasa_visual_terhadap_factor_penglibatan_pembaca_komik-komik_melayu
- Muliyadi Mahamood. (2004). *The History of Malay editorial Cartoons (1930s - 1993s)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Shaliza Binti Dasuki. (2014). *Budaya Kebangsaan Dalam Karya-Karya Seni Kartun Editorial Pra Dan Pasca Merdeka*.
- Siti Norqistina Awang. (2011). *Aspek Pragmatik dan Semiotik Visual dalam Iklan Kosmetik Lelaki*. Penulisan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Universiti Teknologi MARA.
- Utusan Online. 2009. Dicapai pada 12 Oktober 2018 daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0505&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_05.htm

Biodata Ringkas Penulis

Hasmidar Hassan, Pensyarah Kanan yang kini bertugas di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Mula berkhidmat di Pusat Bahasa dan Terjemahan, USM pada tahun 1995 dan kemudian bertugas di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM pada 2006 - 2016. Kepakaran dalam bidang tatabahasa, semantik, pragmatik dan wacana. Turut mengaplikasikan teori pragmatik dalam bidang terjemahan. Telah menghasilkan buku dalam bidang pragmatik dan buku terjemahan, bab dalam buku, artikel dalam jurnal yang kebanyakannya berkisarkan bidang semantik dan pragmatik serta tatabahasa dari sudut pragmatik.

Ahmad Shafique Bin Mohamad Abdillah merupakan pelajar sarjana Sastera Pengajian Melayu di Akademi Pengajian Melayu (APM) di Universiti